Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERMOHONAN JENAYAH 44–38–04 TAHUN 2014
AZMAN ABDULLAH H
14 MAC 2016

Undang-Undang Perlembagaan — Undang-undang — Keperlembagaan — Pemohon dituduh di bawah s 4(2)(b) Akta Perhimpunan Aman 2012 berkait dengan penyertaannya dalam perhimpunan membantah keputusan pilihan raya — Semasa ditangkap pemohon berhimpun di dalam masjid — Sama ada peruntukan s 4(2)(b) Akta berlawanan dengan hak asasi berhimpun di bawah perkara 10(2)(b) Perlembagaan Persekutuan — Sama ada pemohon dilarang berhimpun di dalam masjid — Akta Perhimpunan Aman 2012 s 4(2)(b) — Perlembagaan Persekutuan perkara 10(2)(b)

Pemohon telah ditangkap dan dituduh di bawah s 4(2)(b) Akta Perhimpunan Aman 2012 ('APA 2012') berkait dengan penyertaannya dalam suatu perhimpunan yang dikenali sebagai 'Blackout 505' untuk membantah keputusan Pilihan Raya 2013. Semasa ditangkap, pemohon sedang berhimpun di dalam perkarangan Masjid Ar-Rahman, Universiti Malaya sedangkan berdasarkan Jadual Pertama APA 2012, tempat ibadah adalah tempat larangan untuk berhimpun. Di dalam permohonan ini, pemohon membangkitkan persoalan sama ada peruntukan s 4(2)(b) APA 2012 berlawanan dengan hak asasi warganegara Malaysia untuk berhimpun di bawah perkara 10(2)(b) Perlembagaan Persekutuan ('Perlembagaan'). Berdasarkan hujahan tersebut, pemohon memohon agar mahkamah memerintahkan bahawa: (a) s 4(2)(b) APA 2012 adalah batal dan tidak sah; (b) pertuduhan ke atas pemohon diketepikan dan dibatalkan; (c) pemohon dilepaskan dan dibebaskan; dan (d) prosiding jenayah kes Saman No MS2–62–709–08 Tahun 2013 digantung sehingga permohonan ini selesai. Responden dalam menjawab berhujah bahawa apa yang diperuntukkan oleh Jadual Pertama APA 2012 adalah jelas iaitu larangan berhimpun di tempat ibadah dalam jarak 50 meter.

Diputuskan, menolak permohonan pemohon:

(1) Apa yang diperuntukkan oleh Jadual Pertama APA 2012 adalah jelas iaitu larangan berhimpun di tempat ibadat dalam jarak 50 meter. Pemohon pada masa dan tarikh kejadian telah berada di perkarangan Masjid Ar-Rahman, Universiti Malaya dengan tujuan untuk menyertai suatu perhimpunan yang diadakan ditempat larangan iaitu tempat ibadah. Oleh itu, isu sama ada secara aman atau dengan senjata adalah bukan sesuatu yang perlu dipertikaikan dan mahkamah memutuskan ianya

suatu yang berperlembagaan. Apa yang jelas adalah perhimpunan tersebut diadakan di dalam tempat larangan sepertimana termaktub di dalam Jadual Pertama tersebut (lihat perenggan 21).

(2) Bagi tempat ibadah orang Islam iaitu masjid, pergaulan lelaki dan perempuan adalah terhad dan pakaian menutup aurat adalah wajib dan amat sensitif. Tempat ibadah perlu dijaga kesuciannya walaupun 1000 tahun lagi ianya masih sama. Oleh itu, peruntukan s 4(2)(b) APA 2012 adalah untuk menjaga hak dan kebebasan individu untuk berhimpun tetapi dalam masa yang sama menjaga kesucian tempat ibadah (lihat perenggan 23–24).

[English summary

The applicant was arrested and charged under s 4(2) of the Peaceful Assembly Act 2012 ('the PAA 2012') in relation to his participation in an assembly known as 'Blackout 505' which aimed at objecting to the decision of the 2013 Election. When he was arrested, the applicant was attending the assembly at the vicinity of Masjid Ar-Rahman, University Malaya even though based on the First Schedule of the PAA 2012, assembling at a place of worship is prohibited. Via this application, the applicant raised the question of whether the provisions of s 4(2)(b) of the PAA 2012 was inconsistent with the fundamental right of a Malaysian citizen to an assembly under art 10(2)(b) of the Federal Constitution ('the Constitution'). Based on the averment, the applicant sought an order for this court that: (a) s 4(2)(b) of the PAA 2012 was void and illegal; (b) that the charges against the applicant be set aside and quashed; (c) the applicant be acquitted and discharged; and (d) the criminal proceedings under Summons No MS2-62–709–08 of 2013 be stayed pending the disposal of this application. In response, the respondent submitted that what was provided by the First Schedule of the PAA 2012 was clear; the prohibition against assembling at a place for worship was within the distance of 50 meter.

Held, dismissing the applicant's application:

(1) What was provided by the First Schedule of the PAA 2012 was clear; the prohibition against assembling at a place for worship was within the distance of 50 m. At the time and date the incident occurred, the applicant was within the vicinity of Masjid Ar-Rahman, University Malaya with the objective of attending an assembly held at a prohibited place, namely a place of worship. Therefore, the issue of whether it was carried out in peace or whether they were armed was not in dispute and the court held that it was constitutional. What was clear was that the assembly was carried out at prohibited place as stipulated in the First Schedule (see para 21).

(2) For the place of worship for the Muslims, the interaction between men

and women is limited and clothes that cover the aurat is compulsory and very sensitive. The sacredness of a place of worship must be maintained and this remains so even in 1000 years. Therefore, the provision of s 4(2)(b) of the PAA 2012 aims at safeguarding the rights and freedoms of individuals to assembly but at the same time maintaining the sacredness of a place of worship (see paras 23–24).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai keperlembagaan, lihat 3(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 2980–2983.

Kes-kes yang dirujuk

Dalip Bhagwan Singh v PP [1998] 1 MLJ 1, MP (dirujuk)
Nik Nazmi bin Nik Ahmad v PP [2014] 4 MLJ 157; [2014] 4 CLJ 944, MR (dirujuk)
Pendakwa Raya v Cheah Beng Poh & Ors [1984] 2 MLJ 225; [1984] 2 CLJ Rep 383 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Perhimpunan Aman 2012 ss 3, 4(2), (2)(b), (3), Jadual Pertama
Perlembagaan Persekutuan perkara 10(1)(b), (2)(b)

Yusmadi bin Yusoff (Fahda Nur Ahmad Kamar bersamanya) (Fahda Nur & Yusmadi) bagi pihak pemohon.
Nurulhua Nur' Aini bt Mohd Nor (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Azman Abdullah H:

LATAR BELAKANG PERMOHONAN JENAYAH PEMOHON

[1] Pemohon, Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin telah membuat permohonan untuk mendapatkan perintah-perintah dan/atau relif-relif seperti berikut:

(a) bahawa s 4(2)(b) Akta Perhimpunan Aman 2012 ('APA 2012') adalah batal dan tidak sah;

(b) supaya pertuduhan dan pendakwaan terhadap pemohon di bawah s 4(2)(b) APA 2012 dan boleh dihukum di bawah s 4;

(c) Akta yang sama di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur bagi kes Saman No MS2-62–709–08 Tahun 2013 digantung dan atau diketepikan dan dibatalkan;

(d) memerintahkan pemohon dilepaskan dan dibebaskan; dan

(e) prosiding jenayah kes Saman No MS2-62–709–08 Tahun 2013 digantung sehingga permohonan ini selesai.

[2] Pertuduhan terhadap pemohon di mahkamah sesyen adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 22 Jun, 2013 jam 12.30 tengahari dan 1.15 petang di dalam perkarangan Masjid Ar-Rahman, Universiti Malaya, Jalan Pantai Baharu, Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menyertai perhimpunan yang diadakan di tempat larangan iaitu tempat ibadah sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta Perhimpunan Aman 2012; dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 4(2)(b) Akta Perhimpunan Aman 2012 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 4(3) Akta yang sama.

FAKTA KES

[3] Secara ringkasnya adalah di mana pemohon telah ditangkap dan dituduh berkait dengan penyertaan suatu perhimpunan yang telah diadakan secara besar-besaran pada 22 Jun 2013 dan dikenali sebagai Blackout 505 untuk membantah keputusan Pilihan Raya 2013 yang didakwa yang mana pihak polis telah pun menerima notis perhimpunan di Padang Merbok sepuluh hari lebih awal sepertimana ditetapkan di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012.

[4] Pada masa dan tarikh pemohon ditangkap, beliau sedang berhimpun di dalam perkarangan Masjid Ar-Rahman, Universiti Malaya, Jalan Pantai Baharu, Kuala Lumpur bukannya di Padang Merbok sebagaimana dinayatakan sebagai tempat untuk berhimpun. Sepertimana pertuduhan 'tempat ibadah' (*worship places*) iaitu masjid adalah tempat larangan menurut Jadual Pertama APA 2012 untuk berhimpun.

[5] Semasa Pilihanraya Umum yang ke-13 ('PRU 13') telah diadakan di seluruh negara dan semasa PRU 13 tersebut, pemohon telah bertanding sebagai calon di kerusi Parlimen Kawasan Bukit Katil di Negeri Melaka dan telah memenangi kerusi tersebut dan dipilih sebagai Ahli Parlimen.

[6] Walaupun pemohon menang di dalam piliharaya tersebut namun dari afidavit pemohon dikatakan telah berlaku penipuan-penipuan dan kesalahan-kesalahan pilihanraya di begitu banyak kawasan Parlimen di seluruh negara. Penipuan-penipuan dan kesalahan-kesalahan yang disyaki dilakukan oleh pihak tertentu dan tidak terkecuali suspek terbesar adalah Suruhanjaya Pilihanraya ('SPR').

[7] Di dalam afidavit sokongan yang dideposkan oleh pemohon, pemohon telah menyatakan bahawa penipuan-penipuan dan kesalahan ini begitu meluas sehinggakan ia menentukan keputusan menyeluruh PRU 13 yang mana

Barisan Nasional ('BN') telah memenangi majoriti kerusi Parlimen dan membentuk Kerajaan Persekutuan walaupun bilangan undi popular yang diterima adalah lebih rendah berbanding dengan parti-parti Pakatan Rakyat iaitu PKR, DAP dan PAS. Dengan kata lainnya pemohon menyatakan walaupun jumlah kerusi Parlimen yang dimenangi oleh Barisan Nasional mendahului Parti-Parti Pakatan Rakyat tetapi sepatutnya Barisan Nasional kalah kerana kiraan undi setiap satu pengundi melebihi Pakatan Rakyat.

ISU DIBANGKITKAN OLEH PEMOHON

[8] Secara asasnya persoalan yang dibangkitkan oleh pihak pemohon adalah sama ada peruntukan s 4(2)(b) APA 2012 adalah batal dan tidak sah oleh sebab berlawanan dengan perkara 10(2)(b) Perlembagaan Persekutuan dan pertuduhan terhadap pemohon di bawah s 4(2)(b) APA 2012 dan boleh dihukum di bawah s 4(3) APA 2012 bagi kes No 62–709–08 Tahun 2013 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur adalah diketepikan dan dibatalkan.

[9] Perkara 10(2)(b) membenarkan sekatan terhadap hak asasi warganegara Malaysia untuk berhimpun selagi perhimpunan tersebut tidak menjejaskan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya ataupun ketenteraman awam.

[10] Oleh itu, bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan apabila menghalang hak asasi warganegara Malaysia untuk berhimpun di masjid iaitu tempat yang pada asasnya adalah digunakan untuk berhimpun oleh masyarakat Islam di Malaysia dan merupakan satu tempat awam.

HUJAHAN OLEH PEMOHON

[11] Pihak peguambela pemohon yang bijaksana berhujah bahawa hak untuk berhimpun secara aman tanpa senjata termaktub dalam perkara 10(1)(b) Perlembagaan Persekutuan:

> (b) semua rakyat mempunyai hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata;.

[12] Selanjutnya, perkara 10(2)(b):

> Parlimen boleh mengenakan sekatan kepada hak untuk berhimpun secara aman tersebut sekiranya didapati perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam.

[13] Manakala s 4(2)(b) APA 2012 telah meletakkan halangan kepada masyarakat Malaysia untuk menyertai perhimpunan yang diadakan di mana-mana tempat larangan dan dalam jarak 50 meter dari had tempat

larangan dan bagi kes ini secara khususnya larangan untuk perhimpunan tersebut diadakan di kawasan masjid. Peguambela yang bijaksana berhujah bahawa isu utama berkenaan halangan oleh s 4(2)(b) APA 2012 bukanlah samada ianya munasabah ataupun tidak tetapi isu utamanya adalah s 4(2)(b) APA 2012 telah menghalang hak asasi warganegara Malaysia untuk berhimpun di masjid iaitu tempat yang pada asasnya adalah digunakan untuk berhimpun oleh masyarakat Islam di Malaysia dan merupakan satu tempat awam. Perkara 10(2)(b) membenarkan sekatan terhadap hak asasi warganegara Malaysia untuk berhimpun hanya apabila perhimpunan tersebut menjejaskan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya ataupun ketenteraman awam.

[14] Selanjutnya dalam menentukan sama ada sekatan s 4(2)(b) APA 2012 adalah melanggari perkara 10(1)(b) dan perkara 10(2)(b) Perlembagaan Persekutuan, peguambela pemohon telah merujuk dan mengguna pakai keputusan kes Mahkamah Rayuan di dalam kes *Nik Nazmi bin Nik Ahmad v Public Prosecutor* [2014] 4 MLJ 157; [2014] 4 CLJ 944 yang mana menurut kes *Dalip Bhagwan Singh v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 1 yang jelas memutuskan bahawa mahkamah di bawah Mahkamah Rayuan boleh memilih untuk menggunapakai keputusan Mahkamah Rayuan yang mana tidak kiralah samada keputusan Mahkamah Rayuan tersebut terdahulu atau terkemudian.

[15] Di dalam kes *Nik Nazmi*, Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa:

> [96] The right to peaceful assembly which to my mind ought to include the right to organise a peaceful assembly, can only be restricted reasonably and not prohibited. This position is clearly spelt out in art 10(2)(b) of the Federal Constitution which speaks of 'restrictions' and not 'prohibitions'.

[16] Oleh itu, peguambela pemohon berhujah bahawa s 4(2)(b) bukan sekadar sekatan tetapi adalah halangan hakiki untuk berhimpun apabila semua warganegara Malaysia telah dihalang untuk berhimpun di masjid kecuali dibuktikan mereka hanya berada di situ hanyalah untuk solat sahaja. Halangan ini menyebabkan seolah-olah hak untuk berhimpun tidak wujud di Malaysia. Selanjutnya dihujahkan bahawa tidak pada mana-mana masa melihat apa-apa alasan, kaitan, pertalian atau relevannya bahawa dengan berhimpun di masjid boleh menjejaskan keselamatan Persekutuan dan ketenteraman awam. Peguambela yang bijaksana juga berhujah bahawa adalah menjadi kebiasaan di Malaysia, masjid digunakan oleh masyarakat Islam di Malaysia untuk berhimpun untuk pelbagai sebab yang berbeza.

[17] Pemohon juga seterusnya berhujah bahawa s 4(2)(b) APA 20012 adalah jelas merupakan satu larangan secara terang terangan dan bukan sekadar sekatan. Merujuk kepada kes *Pendakwa Raya v Cheah Beng Poh & Ors* [1984]

2 MLJ 225; [1984] 2 CLJ Rep 383 mahkamah memutuskan:

> The court as guardian of the rights and liberties enshrined in the constitution is always jealous of any attempt to tamper with rights and liberties. But the right in issue here ie the right to assemble peaceably without arms is not absolute for the Constitution allows Parliament to impose by law such restrictions as it deems necessary in the interest of security and public order. In my view, what the court must ensure is only that any such restrictions may not amount to total prohibition of the basic right so as to nullify or render meaningless the right guaranteed by the Constitution.

[18] Peguambela berhujah berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan tersebut, sekatan yang dikenakan terhadap pemohon untuk berhimpun dan menjalankan aktiviti agama oleh semua warganegara di bawah s 4(2) APA 2012 adalah jelas merupakan satu perlanggaran dan pengabaian hak asasi yang diberikan melalui Perlembagaan Persekutuan sekaligus menjadikan sekatan di bawah s 4(2) APA 2012 adalah tidak sah dan batal.

KEPUTUSAN MAHKAMAH INI

[19] Pihak responden berhujah bahawa s 4(2)(b) adalah jelas dan nyata atas alasan bahawa tempat-tempat larangan di dalam s 3 APA 2012;

> 'prohibited places' means —
>
> (a) the protected areas and protected places declared under the Areas and Protected Places Act 1959 [Act 298]; and
>
> (b) the places as may be specified in the First Schedule;

[20] Manakala Jadual Pertama APA 2012. Tempat-tempat larangan yang disenaraikan tersebut adalah tempat yang dilindungi dan sensitif seperti bagi tujuan rawatan hospital dan tujuan-tujuan keagamaan. Jadual Pertama (s 3), APA 2012 memperuntukkan seperti berikut:

> First Schedule [Section 3]
>
> PROHIBITED PLACES
>
> Dams, reservoirs and water catchment areas, Water treatment plants, Electricity generating stations, Petrol stations, Hospitals, Fire stations, Airports, Railways, Land public transport terminals, Ports, canals, docks, wharves, piers, bridges and marinas, *Places of worship,* Kindergartens and schools.
>
> Di dalam Bahasa Malaysia;
>
> Jadual Pertama [Seksyen 3]
>
> TEMPAT-TEMPAT LARANGAN
>
> Empangan, takungan dan kawasan tadahan air, Loji rawatan air, Sistem penjana

elektrik, Stesen minyak, Hospital, Balai bomba, Lapangan Terbang, Landasan keretapi, Terminal pengangkutan awan darat, Pelabuhan, terusan, limbungan, dermaga, jeti, jambatan dan marina, *Tempat ibadah,* Tadika dan sekolah.

[21] Mahkamah bersetuju dengan hujahan pihak responden bahawa apa yang diperuntukkan oleh Jadual Pertama APA 2012 adalah jelas iaitu larangan di tempat ibadat dalam jarak 50 meter. Pemohon pada masa dan tarikh kejadian telah berada di perkarangan Masjid Ar-Rahman, Universiti Malaya, Jalan Pantai Baru dengan tujuan untuk menyertai suatu perhimpunan yang diadakan ditempat larangan iaitu tempat ibadah. Oleh itu, isu samada secara aman atau dengan senjata adalah bukan sesuatu yang perlu dipertikaikan dan mahkamah memutuskan ianya suatu yang berperlembagaan. Apa yang jelas adalah perhimpunan tersebut diadakan di dalam tempat larangan sepertimana termaktub di dalam Jadual Pertama tersebut.

[22] Jika di dalam kawasan ibadah dilarang merupakan sesuatu yang bertentangan dengan hak dan kebebasan di dalam perlembagaan, apa akan terjadi jika yang datang berhimpun adalah lelaki dan perempuan berhimpit-himpit dan berpakaian tidak menutup aurat mengikut anutan agama masing-masing.

[23] Mungkin di tempat ibadah 'A' memakai skirt dan seluar pendek tiada masalah tetapi bagi tempat ibadah orang Islam iaitu masjid pergaulan lelaki dan perempuan adalah terhad dan pakaian menutup aurat adalah wajib dan amat sensitif, adakah atas alasan tiada halangan untuk berhimpun maka boleh sahaja di kawasan masjid.

[24] Selanjutnya mahkamah ini berpandangan tempat ibadah perlu dijaga kesuciannya walaupun 1000 tahun lagi ianya masih sama. Oleh itu, peruntukkan tersebut adalah untuk menjaga hak dan kebebasan individu untuk berhimpun tetapi dalam masa yang sama menjaga kesucian tempat ibadah samada kita menganut agama 'A' atau 'B' atau 'C', kita bangsa 'A' atau 'B' atau 'C' atau kita berfahaman politik 'A' atau 'B' atau 'C' kita mempunyai anutan, fahaman dan amalan berbeza, namun kita perlu sensitif dan perlu menjaga dan melindungi tempat ibadah masing-masing.

[25] Oleh yang demikian, permohonan pihak pemohon untuk mahkamah ini membuat perintah bahawa s 4(2)(b) APA 2012 adalah batal dan tidak sah dan seterusnya pertuduhan dan pendakwaan terhadap pemohon di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur bagi kes Saman No 62–709–08 Tahun 2013 digantung dan/atau diketepikan dan dibatalkan adalah diputuskan ditolak.

Permohonan pemohon ditolak.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar